

09/08/1997

12,000 kunjungi pameran

Ebi Azly Abdullah

LANGKAWI, Jumaat - Seramai 12,000 mengunjungi Pertunjukan dan Konvensyen Udara Langkawi Fly-In 97 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di sini, yang berakhir hari ini.

Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd (Le Proton), Datuk Mohd Radzi Manan, berkata kebanyakan pengunjung terdiri daripada golongan pelajar sekolah, yang menjadi kumpulan sasaran pertunjukan berkenaan.

"Lebih 9,500 pengunjung melawat tapak pameran sejak hari perasmian pada Isnin lalu dengan 2,500 dijangka melawat hari ini, iaitu hari terakhir," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Pertunjukan udara yang lebih mengetengahkan pesawat ringan berdasarkan konsep pertunjukan udara terkemuka Oshkosh di Wisconsin, Amerika Syarikat (AS), dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mohd Radzi berkata, sebanyak 62 pesawat ringan mewakili enam negara menyertai pertunjukan itu dengan kebanyakannya turut memasuki Rali Udara Kuala Lumpur-Langkawi minggu lalu.

Beliau berkata, antara tumpuan utama pelancong ialah ujian kecerdasan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk menentukan kelayakan bakal juruterbangnya.

Menurutnya, pertunjukan itu juga berjaya mengetengahkan jenis pesawat ringan tertentu yang mungkin satu hari nanti boleh dipasang di negara ini secara konsep usaha sama.

Mohd Radzi berkata, kerajaan sudah mengenal pasti beberapa model pesawat tertentu yang dipaparkan dalam pertunjukan udara terbabit, untuk tindakan selanjutnya yang mungkin membabitkan perkongsian bijak.

(END)